

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 2**  
**RUANGAN : NASIONAL**

## Hanya 2 waris lengkap vaksin boleh urus jenazah mangsa COVID-19

**Putrajaya:** Dua waris dengan status vaksinasi lengkap kini dibenarkan untuk turut serta dalam proses pengendalian jenazah yang dijangkiti COVID-19.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata waris berkenaan perlu memakai alat pelindung diri (PPE) dan perlu diwajibkan mengendalikan jenazah terlatih di hospital.

"Kementerian Kesihatan (KKM) memaklumkan tatacara pengurusan jenazah Islam dan bukan Islam yang dijangkiti COVID-19 sudah disemak semula supaya ia relevan dengan situasi semasa.

"Semakan semula ini sejajar dengan Resolusi Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal U管家 Islam Malaysia Kali Ketiga Tahun 2021 yang bersidang pada 26 Julai 2021.

"Antara pindaan tatacara dalam pengurusan jenazah Islam dijangkiti COVID-19 ialah dibenarkan untuk dimandi dan dikaparkan dengan mengikuti amalan langkah berjaga-jaga seperti urusan mandi serta kapan dilakukan pengendalian jenazah terlatih di hospital dengan pemakaian PPE lengkap dan bersesuaian.

"Hanya dua waris dengan status vaksinasi lengkap serta memakai PPE yang lengkap dan bersesuaian dibenarkan turut serta dalam urusan memandikan dan mengapankan jenazah bersama pengendalian jenazah yang terlatih di hospital.

"Selain itu, perlu elakkan aktiviti berunsur aerosol generating procedure (AGP) ke atas jenazah seperti menekan perut jenazah," katanya dalam kenyataan, semalam.

Selain itu, ahli keluarga tidak dibenarkan untuk mengurus jenazah di rumah atau tempat lain sebaliknya jenazah akan diuruskan sepenuhnya di hospital.

Hanya seorang ahli keluarga dibenarkan untuk mengenal pasti jenazah dengan penjarakan satu meter dengan memakai PPE dan tidak dibenarkan sama sekali mencium serta menyentuh jenazah.

Semua jenazah pesakit COVID-19 dibalut sehelai linen putih dan dua lapisan beg mayat.

Lapisan paling luar beg mayat akan disanitasi dengan 0.5 peratus sodium hypochlorite.

Ahli keluarga dilarang membuka beg mayat atau keranda yang ditutup.

Bagi jenazah bukan Islam, sekiranya terdapat upacara ritual, prosedur perlu dilakukan seminimum mungkin dan dilakukan di lapisan paling luar beg mayat.

## Dos penggalak untuk remaja, lemah daya tahan pelengkap vaksinasi primer

**Kuala Lumpur:** Panel Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) mengesyorkan dos penggalak bagi individu dengan sistem pertahanan badan berkadar teruk atau sederhana berusia antara 12 hingga 17 tahun dikategorikan semula sebagai dos ketiga dan menjadi pelengkap kepada vaksinasi primer.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata keputusannya itu mengambil kira situasi semasa-tahap keberkesanannya vaksin dalam kalangan remaja yang berisiko tinggi.

"Hanya selepas melengkapkan vaksinasi primer tiga dos, barulah dos penggalak pertama boleh diberi kepada individu dengan sistem pertahanan badan berkadar teruk atau sederhana berumur 12 hingga 17 tahun.

"Langkah ini bertujuan memberi perlindungan optimum kepada kumpulan remaja ini dari-pada risiko mendapat jangkitan COVID-19 dengan gejala yang teruk," katanya dalam kenyataan, semalam.

Pada 14 April lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) mengumumkan pemberian dos penggalak kepada individu dengan sistem pertahanan badan berkadar teruk atau sederhana berumur 12 hingga 17 tahun dan keatas.

Khairy berkata, pemberian dos tambahan vaksin COVID-19 sama ada untuk melengkapkan vaksinasi dos primer tiga dos atau sebagai dos penggalak pertama dan kedua akan dilaksanakan menerusi beberapa prosedur.

"Pertama, pemberian dos keti-

ga vaksin COVID-19 untuk melengkapkan vaksinasi primer tiga dos kepada individu berumur lima hingga 11 tahun yang berisiko tinggi dengan beberapa kriteria kelayakan.

"Ini termasuk individu berumur lima hingga 11 tahun dalam kategori sistem pertahanan badan berkadar teruk dan sederhana yang disahkan oleh pakar perubatan kerajaan dan swasta.

"Suntikan diberikan mestilah sekurang-kurangnya lapan minggu selepas menerima dos kedua," katanya.

Beliau berkata, kriteria kelayakan bagi penerima dos ketiga mestilah individu berumur lima hingga 12 tahun dalam kategori sistem pertahanan badan berkadar teruk dan sederhana yang disahkan

oleh pakar perubatan kerajaan dan swasta, dengan suntikan di bera sekurang-kurangnya 28 hari selepas menerima dos kedua.

Katanya, bagi pemberian dos penggalak pertama kepada individu berumur 12 hingga 17 tahun yang berisiko tinggi dan telah menerima vaksin primer tiga dos lengkap, ia mestilah disahkan oleh pakar perubatan kerajaan dan swasta dengan suntikan di bera sekurang-kurangnya tiga bulan selepas vaksinasi lengkap tiga dos primer.

Sementara itu, Khairy berkata, pemberian dos penggalak kedua kepada individu berisiko tinggi berumur 18 hingga 59 tahun dan petugas kesihatan barisan hadapan perlu memenuhi tiga kriteria ditetapkan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Operasi doktor gigi palsu dijangka naik mendadak

**KKM terima 528 aduan pada fasa peralihan endemik**

Oleh Zatul Iffah Zolkiply  
zatuliffah@bh.com.my

**Kuala Nerus:** Kementerian Kesihatan (KKM) menjangka kegiatan mereka yang menawarkan perkhidmatan doktor gigi palsu atau tidak bertauiah akan kembali meningkat selepas peralihan negara ke fasa endemik.

Pengarah Kanan (Kesihatan Perigian) KKM, Dr Noormi Othman, berkata pembukaan semula sektor ekonomi dan kebenaran rentas negeri memberi ruang kepada pihak berkenaan beroperasi kembali selepas ia tertangguh susulan pandemik COVID-19.

Beliau berkata, kebanyakan doktor palsu atau pengamal perubatan haram itu menawarkan perkhidmatan secara bergerak dengan mempromosikan perkhidmatan menerus i media sosial.

Katanya, sebanyak 528 aduan diterima di seluruh negara membabitkan kegiatan pengamal perigian palsu dalam tempoh lima tahun bermula 2017.

"Trend kes ini menunjukkan peningkatan dalam tempoh 2014 hing-



Dr Noormi (tengah) ketika sambutan pelancaran Kempen 'Say No To Fake Dentists' Bahagian Kesihatan Perigian Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) 2022, semalam.

(Foto Zatul Iffah Zolkiply/BH)

ga 2019 dan hanya menurun pada 2020 dan 2021 iaitu masing-masing sebanyak 129 aduan serta 89 aduan.

"Penurunan itu mungkin disebabkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19 yang merencangkan pergerakan mereka.

"Jadi kita kluatir dengan pembukaan semula dan kehidupan yang hampir normal seperti sedia kala, kegiatan ini akan mula semula," katanya selepas sambutan pelancaran Kempen 'Say No To Fake Dentists'

Bahagian Kesihatan Perigian Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) 2022 di sini semalam.

Mengulas pecahan aduan yang diterima, Dr Noormi berkata, sebanyak 377 kes atau 71.4 peratus membabitkan kes pendakap gigi palsu, 58 kes venir perigian dan lain-lain kes seperti pembuatan gigi palsu, cabutan gigi serta pemutihan gigi sebanyak 93 kes.

Katanya, daripada 528 aduan diterima, sebanyak 10 peratus pengamal perubatan palsu dengan keba-

nyakannya adalah wanita sudah dikenakan tindakan.

"Kebanyakan pengamal perubatan yang ditahan berusia antara 20 hingga 30 tahun dengan majoriti mangsa juga berada dalam lingkungan umur sama.

"Sebab itu, kita mempergiatkan kempen ini untuk mengingatkan masyarakat untuk lebih peka dan mengambil berat risiko dialami sekiranya mendapatkan perkhidmatan daripada pengamal perigian haram," katanya.

## 300,000 kanak-kanak belum divaksin

**Bandar Baru Bangi:** Lebih 300,000 kanak-kanak di negara di-kesan belum mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata walaupun jumlah itu dilihat tinggi, terdapat perubahan pandangan dalam kalangan ibu bapa yang kini mahukan anak mereka disuntik vaksin.

Oleh itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) menunggu maklum balas orang ramai untuk melihat sama ada Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) akan dibuka semula.

"PICKids untuk kanak-kanak berusia lima hingga bawah 12 tahun bermula Februari lalu dan ia ditutup pada 31 Mei. Namun saya memutuskan untuk membuka program itu hanya selama lima

hari iaitu bermula 20 Jun hingga Jumaat lalu.

"Apa yang kita lihat sepanjang lima hari pengajuran itu, kita dapat iaitu mendapat permintaan begitu memberangsangkan iaitu 300 orang pada hari pertama ke mudian meningkat kepada 500, 700, 1,700 dan pada hari terakhir 2,100 orang.

"Saya berpendangan kehadiran ini mungkin daripada kalangan mereka yang terlepas pandang atau duduk di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai akses maklumat yang tepat dan mereka hadir membawa anak pada program terakhir itu," katanya ketika sidang media selepas merasmikan Seminar Kebangsaan Penyalahgunaan Bahhan (PREVENT) 2022.

Pemerhatian BH dalam laman web COVIDNOW setakat kelma-

rin mendapati jumlah kanak-kanak yang mengambil vaksin COVID kurang daripada separuh iaitu 49.1 peratus untuk dos pertama dan 37.9 peratus bagi dos kedua.

Ditanya mengenai peningkatan pengambilan vaksin itu, Noor Azmi berkata ia turut disebabkan pandangan ibu bapa yang mula berubah dan menerima kebaikan vaksin COVID-19.

"Sebelum ini ada kalangan ibu bapa yang mahu menunggu dan lihat sahaja, tetapi apabila melihat keberkesanannya vaksin ini dalam melawan COVID-19, mereka tidak lagi ragu-ragu sebaliknya hadir untuk memastikan anak mereka mendapat suntikan," katanya.

Dr Noor Azmi menjelaskan, ramai hadir pada hari terakhir PICKids juga disebabkan ramai ka-

nak-kanak yang sudah cukup umur.

"Ada ibu bapa yang mahu mendapatkan vaksin untuk anak mereka tetapi belum melepassi umur lima tahun atau berada di hari terakhir memasuki umur itu. Apabila kesempatan itu ada, mereka terus hadir mendapatkan suntikan," katanya.

Mengulas penularan jangkitan Penyakit Seperti Influenza (ILI), Dr Noor Azmi berkata, KKM belum lagi merancang mengadakan pemberian vaksin itu seperti dilaksanakan dalam PICKids.

"Seperti dinyatakan Menteri Kesihatan (Khairy Jamaluddin), jangkitan ILI masih terkawal dan kes juga terpencil. Namun pengrusaan jangkitan ini sama seperti COVID-19 seperti pengasingan pesakit dan memakai pelitup muka," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NEGARA

## Akta baharu kawal tembakau masih tunggu kelulusan AGC



AKTA baharu berkenaan kawalan ke atas tembakau dan rokok dijangka dibentangkan di Parlimen pada Julai ini bertujuan untuk mengurangkan kemudaran rakyat akibat tabiat merokok.

**BANGI** – Akta baharu bagi kawalan tembakau dan rokok yang dijangka dibentangkan pada sesi Parlimen Julai depan masih dalam proses menunggu kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara (AGC).

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali berkata, draf akta itu memerlukan tempoh masa tertentu memandangkan ia lebih bersifat holistik dan menyeluruh bagi memastikan isu tembakau dan merokok dapat dikawal sebaiknya.

"Kawalan tembakau selama ini tiada, ia merupakan Rang Undang-Undang (RUU) yang kita

tunggu lama. Difahamkan, sudah ada di AGC dan tengah tunggu kelulusan.

"Kita jangka akan bentangkan dalam sesi Parlimen akan datang serta berharap semua pihak akan bersetuju," katanya pada sidang akhbar sempena Seminar Kebangsaan Penyalahgunaan Bahar 2022 (PREVENT 2022) di sini semalam.

Katanya, sekiranya akta itu berjaya dibentangkan kelak, ia mampu mengurangkan kemudaran rakyat akibat tabiat merokok seperti penyakit strok, paru-paru serta kanser.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu

Bakar menjelaskan, akta baharu bagi melarang kegiatan merokok dan pemilikan sebarang produk merokok termasuk rokok elektronik (vape) ke atas generasi yang lahir selepas 2005 atau dikenali sebagai 'Generational End Game' (GEG) akan dibentangkan di Parlimen Julai depan.

Melalui peruntukan GEG ini, individu yang lahir pada 1 Januari 2005 dan seterusnya adalah dilarang merokok, membeli atau memiliki sebarang bentuk produk merokok termasuk rokok elektronik atau vape.

Selain itu, tiada orang dibenarkan menjual produk merokok kepada golongan GEG ini.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

# Ruang dah ‘terbuka’

**KKM jangka kegiatan doktor gigi palsu meningkat susulan endemik**

Oleh Zatul Iffah Zolkiply  
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Nerus

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangka kegiatan doktor gigi palsu atau tidak bertaualah kembali meningkat selepas peralihan negara ke fasa endemik.

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) KKM Dr Noormi Othman berkata, pembukaan semula sektor ekonomi dan kebenaran rentas negeri memberi ruang kepada mereka kembali beroperasi selepas ia ter-tangguh susulan pandemik Covid-19.

Menurutnya, kebanyakannya doktor gigi palsu atau pengamal perubatan haram menawarkan perkhidmatan secara bergerak dengan promosi di media sosial.

“Sebanyak 528 aduan diterima di seluruh negara membabitkan kegiatan pengamal pergigian palsu dalam tempoh lima tahun bermula 2017 lalu.

“Trend kes ini menunjuk-



DR NOORMI (kiri) melawat gerai pameran selepas pelancaran kempen, semalam.

kan peningkatan dari 2014 hingga 2019 dan hanya menerun pada 2020 dan 2021 iaitu masing-masing 129 aduan dan 89 aduan.

“Penurunan mungkin disebabkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 yang merentaskan pergerakan kami mereka. Kita khawatir dengan pembukaan semula dan kehidupan hampir nor-

mal seperti sedia kala, kegiatan (doktor gigi palsu) ini akan mula semula,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran Kempen Say No To Fake Dentists Bahagian Kesihatan Pergigian Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) 2022, di sini, semalam.

Mengulas mengenai pecahan kes, Dr Noormi berkata,

377 kes atau 71.4 peratus membatitkan kes pendakap gigi palsu, 58 kes venir pergigian dan lain-lain kes seperti pembuatan gigi palsu, cabutan gigi dan pemutihan gigi sebanyak 93 kes.

Menurutnya, daripada 528 aduan diterima, 10 peratus pengamal perubatan palsu dengan kebanyakannya mereka wanita sudah dikenakan tinjakan.

## 300,000 budak belum divaksin

**Bandar Baru Bangi:** Lebih 300,000 kanak-kanak di negara ini dikesan belum menerima suntikan vaksin Covid-19 di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids).

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, walaupun jumlah itu dilihat tinggi, namun terdapat perubahan pandangan dalam kalangan ibu bapa yang kini mahukan anak mereka disuntik vaksin.

“PICKids untuk kanak-kanak berusia 5 hingga bawah 12 bermula Februari lalu dan ia ditutup pada 31 Mei. Namun saya memutuskan membuka program itu lima hari iaitu bermula 20 Jun hingga Jumaat lalu.

“Apa yang kita lihat sepanjang lima hari penganjuran kita dapatia ia mendapat permintaan memberangsangkan iaitu 300 pada hari pertama kemudian meningkat kepada 500, 700, 1,700 dan pada hari terakhir mencapai umur itu. Bila kesempatan itu ada, mereka terus hadir,” katanya.

“Saya berpandangan



Sepanjang lima hari penganjuran kita dapatia ia mendapat permintaan memberangsangkan”

**Dr Noor Azmi** kehadiran ini mungkin dalam kalangan mereka yang terlepas pandang atau duduk di kawasan pedalaman yang tiada akses maklumat tepat. Mereka hadir membawa anak pada program terakhir,” katanya.

Berdasarkan laman Covidnow, setakat kelmarin, jumlah kanak-kanak mengambil vaksin Covid-19 adalah 49.1 peratus untuk dos pertama dan 37.9 peratus bagi dos kedua.

“Ada ibu bapa mahu mendapatkan vaksin untuk anak tetapi belum melepassi umur lima tahun atau berada di hari terakhir memasuki umur itu. Bila kesempatan itu ada, mereka terus hadir,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

## Covid-19: Kanak-kanak, remaja diberi suntikan dos ketiga

**PUTRAJAYA** - Kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun dalam kategori *immunocompromised* akan diberikan suntikan ketiga dos vaksin Covid-19.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, turut menerima dos ketiga adalah golongan berusia 12 hingga 17 tahun dalam kategori sama.

"Suntikan dos ketiga bagi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun adalah lapan minggu selepas menerima dua kedua manakala golongan remaja pula selepas 28 hari," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Menurutnya, kajian dari luar negara menunjukkan tahap keberkesanan vaksin terhadap kemasukan ke wad dalam kalangan remaja setelah lima hingga 10 bulan menerima dos yang kedua menurun sebanyak 42 peratus hingga 73 peratus.

"Susulan itu, Jawatankuasa Kerja Teknikal (TWG) bagi Vaksin Covid-19 telah membincangkan perkara ini dan mencadangkan agar dos ketiga vaksin Covid-19 untuk melengkapkan vaksinasi primer tiga dos diberikan kepada golongan tersebut," katanya.

Beliau berkata, setelah melengkapkan vaksinasi primer tiga dos, barulah

dos penggalak pertama boleh diberikan kepada individu *moderate* atau *severe immunocompromised* berumur 12 hingga 17 tahun.

"Dos penggalak diberikan selepas tiga bulan mereka melengkapkan tiga dos primer," katanya.

Khairy berkata, pemberian dos penggalak kedua bagi individu berisiko tinggi berumur 18 hingga 59 tahun dan petugas kesihatan barisan hadapan turut akan diberikan.

"Pengambilan dos penggalak kedua boleh dibuat selepas sekurang-kurangnya enam bulan selepas menerima dos penggalak pertama dan

setelah berbincang dengan mana-mana pengamal perubatan berdaftar," katanya.

Ujarnya, pemberian vaksin Can Sino Bio sebagai dos penggalak secara heterologus akan diperluaskan tanpa mengira jenis vaksin dos primer.

"Kriteria kelayakan bagi penerima dos penggalak Can Sino Bio adalah individu berumur 18 tahun dan ke atas yang telah menerima vaksin *primary series* selain daripada vaksin jenis Can Sino Bio dan Sinovac yang telah diluluskan sebelum ini serta sekurang-kurangnya tiga bulan selepas menerima dos kedua," katanya.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

## Third vaccine dose to be available for certain kids, adolescents

**PETALING JAYA:** A third dose of the Covid-19 vaccine for moderately or severely immunocompromised children and adolescents between the ages of five and 17 will be offered, says Health Minister Khairy Jamaluddin.

For adults, a second booster dose will be offered to high-risk individuals aged between 18 to 59 and front-line health workers.

Khairy said a third dose is recommended for immunocompromised children and adolescents as part of their primary vaccine series as their initial immune response from the two-dose regimen may not have been strong enough.

"Children between the ages of five and 11 who had been certified

as immunocompromised by medical experts from both public and private sectors are eligible to take the third dose eight weeks after their second dose.

"Those who are 12 to 17-years-old who have been certified as moderately or severely immunocompromised can get the third dose 28 days after their second dose."

"Immunocompromised youths aged 12 to 17 are also eligible to get their first booster dose three months after their third dose."

"This move is to give optimum protection to these groups, protecting them from getting severe complications due to Covid-19," he said in a statement yesterday.

He said that up until Tuesday, the

rate of Covid-19 vaccination among adolescents stood at 93.5% but studies from abroad showed that vaccine effectiveness in adolescents waned by 42% and 73% five to 10 months after receiving a second dose.

On April 14, he said the Health Ministry had outlined the administration of booster doses to moderately and severely immunocompromised individuals aged 12 years and older.

"However, based on the level of effectiveness of the vaccine among high-risk adolescents, the ministry's Technical Working Group recommends that the booster dose for moderately or severely immunocompromised individuals aged 12

to 17 years be re-categorised as the third dose instead and be complementary to primary vaccination," he said.

Only after completing the primary vaccination of three doses, then the first dose of the booster can be given to moderately or severely immunocompromised adolescents aged 12 to 17 years.

Khairy also said a second booster will be offered to individuals aged between 18 to 59 at high risk of severe Covid-19 infection and front-line health workers.

This will be given at least six months after receiving the first booster and after consultation with any registered medical practitioner, said Khairy.

He also said that the CanSino vaccine will be used as a heterologous booster for all adults regardless of the type of vaccine received for the primary doses.

"Those who are eligible for the CanSino booster dose are individuals aged 18 years and older who have received a primary dose of the Covid-19 vaccine other than CanSino and Sinovac," he said.

The CanSino booster will be given at least three months after receiving the second dose of the primary vaccine.

"The ministry urges all eligible individuals to obtain these services so that the Malaysian population gets optimal protection against Covid-19," he said.

## Ministry revises SOP for funeral management of Covid-19 deaths

**PETALING JAYA:** Various standard operating procedures for the funeral management of Muslim and non-Muslim Covid-19 deaths have been revised by the Health Ministry.

Health Minister Khairy Jamaluddin said among the new SOP revisions was that Muslim bodies infected with Covid-19 could now be bathed and laid to rest by a trained mortuary operator at the hospital with the use of complete and appropriate personal protec-

tive equipment (PPE).

Khairy said when infected Muslim corpses were bathed, mortuary operators must avoid any activity that had the potential to generate aerosols, such as pressing on the abdomen.

Since the Covid-19 pandemic began in 2020, these bodies were not allowed to be bathed according to Islamic rituals.

Aerosols are very fine droplets that have the potential to pass on

the virus to others as they are capable of remaining suspended in the air for a while.

"Only two next of kin with complete vaccination statuses, clad in complete and appropriate PPEs, are allowed to be present to bathe and lay to rest the corpse together with the trained mortuary officer in the hospital," said Khairy in a statement here yesterday.

For non-Muslim bodies, he said any last rite that required the

deceased's clothing to be changed – if so desired – might be done by just placing the new clothes on top of the body as this would not generate any aerosol in the process.

Similarly, only two next of kin who are fully vaccinated are allowed to be present during the last rites and they must be clad in complete and appropriate PPEs.

Khairy said bodies infected with Covid-19 would now be allowed to be stored in a single body bag

instead of being double bagged as in the past.

At the same time, he said there would be no limit placed on the attendance of relatives during the burial process but that they must wear PPEs.

"MOH also did not set a limit on attendance for the burial process.

"But the ministry is encouraging those who attend to wear face masks and to avoid jostling or crowding at all times," he added.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

## 528 complaints against bogus dentists: MoH

**KUALA NERUS:** The Health Ministry received a total of 528 complaints on illegal dental practitioners throughout the country from 2017 to 2021.

Health senior director (Dental Health), Dr Noormi Othman said of the complaints, 377 or 71.4% involved fake braces; 58 or 11% on dental veneers (crowns) and 93 or 17.6% on dentures, tooth extraction and teeth whitening.

The number of complaints rose between 2017 and 2019 but decreased during the 2020-2021 period. The drop may be due to increasing public awareness of bogus dentists or enforcement of the movement control order, which restricted their activities.

“However, we are concerned that the transition to the endemic phase will see their activities rising again,” she said, adding that Kuala Lumpur and Selangor recorded the highest number of complaints.

Earlier, Noormi launched the “Say No To Fake Dentists” campaign, organised by the Terengganu Health Department Dental Health Division at Universiti Malaysia Terengganu yesterday. State Health Department director Datuk Dr Kasemani Embong also attended the event. – Bernama